

04/09/1997

Syarikat Malaysia perlu jadi perintis

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan mahu syarikat Malaysia menjadi perintis dalam projek kereta api Trans-Asia dengan kerjasama syarikat dari negara Asean.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya syarikat dari Malaysia melengkapkan satu cabang dari empat laluan yang dicadangkan, bagi meningkatkan kerjasama Asean.

Beliau yang menjadi pengerusi jawatankuasa kajian projek itu berkata, Kabinet bersetuju membenarkan syarikat dari Malaysia menjadi perintis kepada projek itu melalui Konsortium KTMB membabitkan syarikat Renong, DRB Hicom dan Bolton Properties.

Menurutnya, konsortium itu diminta menjadi perintis untuk menjalankan kajian bagi melengkapkan laluan itu di negara-negara berkenaan melalui satu pakej yang mampu menampung pembangunan infrastruktur yang diperlukan.

"Objektif utama untuk mempercepatkan projek ini ialah untuk meningkatkan semangat Asean dan membolehkan negara terbabit dalam projek ini turut menyertainya.

"Malaysia mahu menjadi perintis dalam projek ini untuk membantu pertumbuhan negara berkenaan dan memberi keuntungan kepada semua pihak terbabit dalam projek ini," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Kabinet, di sini, hari ini.

Ling berkata, laluan yang paling cepat untuk merealisasikan projek itu ialah antara Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Poipet-Sisophon dan Phnom Penh melalui sempadan Kemboja di Lok Ninh sehingga ke bandar raya Ho Chi Minh menuju ke Hanoi dan Kunming.

Menurutnya, kos membina sambungan yang dikehendaki itu membabitkan perbelanjaan lebih RM1.5 bilion dan pihak terbabit terpaksa menimbang laluan terbaik sesuai dengan kos serta masa pembinaan paling cepat.

(END)